

25/03/2003

MCA sokong pendirian BN

MCA menyokong penuh pendirian kerajaan Barisan Nasional (BN) menentang sebarang pencerobohan terhadap mana-mana negara yang berdaulat seperti dilakukan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya terhadap Iraq.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata sudah tiba masanya negara yang cintakan keamanan dan kedamaian bersatu padu dan berusaha mempertahankan kedaulatan masing-masing.

Katanya, peperangan di Iraq menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan, keselamatan serantau dan risiko meningkatkan aktiviti penganas di seluruh dunia.

Malah, katanya, peperangan akan melemahkan lagi ekonomi dunia yang semakin meruncing.

"Tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya melampaui batas dan perlu dikutuk habis-habisan," katanya ketika menyokong usul yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata, masalah di Iraq perlu ditangani segera dan jika dibiarkan menjadi satu ancaman yang menggugat keamanan dunia.

Katanya, tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya jika tidak disekat, dikhuatiri akan diikuti kuasa besar lain dalam menyelesaikan sebarang konflik.

Beliau menyeru semua pihak yang terbabit dalam peperangan di Iraq segera kembali ke meja rundingan untuk berdamai demi kepentingan dunia.